

11 JUN 2002

PBB-Konvensyen/I

KONVENSYEN PBB AKAN BINCANG PENCAPAIAN OBJEKTIF WAWASAN 2020

BALINGIAN, 11 Jun (Bernama) -- Kejayaan pencapaian objektif Wawasan 2020 di Sarawak akan menjadi antara agenda utama bagi konvensyen Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) yang akan diadakan di Kuching pada 5 hingga 9 Julai.

"Kami berasa bimbang kerana kami hanya mempunyai 18 tahun lagi," kata Timbalan Presiden I PBB Tan Sri Alfred Jabu hari ini.

Terdapat keperluan segera untuk mempercepatkan pelbagai program bagi mencapai objektif Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun itu, kata timbalan ketua menteri itu.

"Sebagai contoh, kami perlu mengkaji program Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT) untuk memastikan penduduk mendapat kemahiran dan kecekapan sewajarnya tepat pada masanya," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas menyaksikan majlis pelantikan anggota jawatankuasa cawangan Kakus dan Tamin PBB bagi penggal 2002/2004 di Rumah Rantai, Sepiring, dekat sini.

Beliau berkata konvensyen itu merupakan peluang yang baik bagi menyemak semula rancangan latihan dan pendidikan yang ada pada masa ini.

Menurutnya adalah penting untuk memastikan kejayaan program lain seperti Pusat Pertumbuhan Luar Bandar dan pembangunan komersil tanah-tanah Hak Adat Bumiputera untuk mengecilkan jurang pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar.

Beliau yakin penubuhan dua bahagian baru itu di Mukah dan Betong pada Mac lepas akan mempercepatkan lagi proses pembangunan.

Mengenai pelantikan setiausaha agung baru bagi menggantikan Datuk Amar Leonard Linggi Jugah yang bersara baru-baru ini selepas menyandang jawatan itu lebih 20 tahun, Jabu berkata beliau menyerahkan kepada presiden parti Tan Sri Abdul Taib Mahmud untuk membuat keputusan kerana ia adalah prerogatifnya.

Beliau berkata Pesaka, yang diterajunya, tidak akan membuat pencalonan bagi jawatan itu. Jugah adalah daripada Pesaka.

Kira-kira 1,000 anggota perwakilan dan pemerhati dari 62 cawangan dijangka menghadiri konvensyen itu, yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 8 Julai ini.

-- BERNAMA

ESS JK NAK